

# KERATAN AKHBAR

---

TARIKH : 8 DISEMBER 2022  
AKHBAR : HARIAN METRO  
MUKA SURAT : 24

## NCIA, Miti terus kerjasama bawa pelaburan ke NCER

### NCIA, Miti terus kerjasama bawa pelaburan ke NCER

Kuala Lumpur: Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara (NCIA) akan terus bekerjasama dengan Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (Miti) untuk membawa pelaburan domestik dan asing berimpak tinggi ke Wilayah Ekonomi Koridor Utara (NCER) untuk mengukuhkan dan meningkatkan momentum pertumbuhan ekonomi Malaysia.

Ketua Eksekutif NCIA Mohamad Haris Kader Sultan berkata, pihaknya menjangkakan lebih banyak kerjasama dengan Miti, Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (Mida), serta kerajaan Perlis, Kedah, Pulau Pinang dan Perak menjelang 2023 dan seterusnya.

"Wilayah ini bersedia untuk melabur dalam teknologi dan inovasi baharu untuk kekal berdaya saing dan relevan demi landskap ekonomi semasa dan masa depan," katanya dalam kenyataan.

Menurutnya, pihaknya akan terus mengukuhkan keyakinan pelabur terhadap NCER melangkaui sektor elektrik dan elektronik, mekanikal dan elektrikal, serta peranti perubatan dalam pembangunan industri yang berkaitan, bernilai tinggi, berteknologi tinggi dan bakat tempatan yang berkemahiran tinggi.

Katanya, NCER juga memudahkan dan meningkatkan pemain industri menjadi lebih berorientasikan eksport dengan memberikan mereka insentif menurunkan kos perniagaan, menjadi lebih berdaya saing di peringkat global, mempunyai akses kepada pelbagai pasaran dan melaksanakan pematuhan.

"Bagaimanapun, kita juga harus berwaspada dengan tekanan ekonomi yang dijangkakan akan menjejaskan ekonomi global tahun depan.

"NCER berhati-hati dengan tugas berat untuk mengekang tekanan inflasi, kos tinggi yang ditanggung dalam perang dingin teknologi antara Amerika Syarikat dan China, serta perang berterusan antara Rusia dan Ukraine yang mengganggu rantaian bekalan global," katanya.